



KEMPEN FIXED DEPOSIT/ISLAMIC FIXED DEPOSIT-i (FD/IFD-i) BUNDLE PREMIER

1.0 Terma & Syarat

Berikut adalah Terma dan Syarat (“T&S”) bagi Kempen ini.

2.0 Tempoh Kempen

2.1 Terma & Syarat ini akan mentadbir “Kempen Fixed Deposit / Islamic Fixed Deposit (FD/IFD-i) Premier ” (“**Kempen**”) bermula dari 1 September 2024 hingga 30 November 2024, termasuk kedua-dua tarikh, atau sehingga sasaran Kempen yang ditetapkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411)(dirujuk secara kolektif sebagai “**Bank**”), atas dasar yang mana lebih awal (“**Tempoh Kempen**”). Dengan menyertai kempen ini, pelanggan yang layak (seperti yang ditakrif dalam klausa 3 di bawah) nyata bersetuju terikat dengan terma dan syarat dan sebarang keputusan yang dibuat oleh bank berkenaan dengan kempen ini adalah muktamad.

3.0 Kelayakan Kempen

3.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun perkhidmatan servis Privilege, Premier dan Private Individu/Bersama, yang baharu dan sedia ada.

3.2 Semua kakitangan Bank juga layak untuk menyertai Kempen ini.

3.3 Pelanggan Perkhidmatan Privilege, Premier dan Private dikehendaki mempunyai akaun Fixed Deposit (FD) dan/atau akaun Islamic Fixed Deposit-i (IFD-i) dan juga mana-mana Akaun Penyertaan Akaun Semasa Simpanan/Daily Fund-i berikut, dibuka dan diselenggara di mana-mana cawangan Bank di Malaysia (“**Pelanggan Yang Layak**”).

3.4 Hanya peletakan FD/IFD-i menggunakan Dana Baharu* atau dana perlanjutan/pusingan dengan 20% dana baru* (20% daripada jumlah keseluruhan dana) yang melalui kaunter semasa Tempoh Kempen di mana-mana cawangan Bank di Malaysia yang memenuhi syarat pembahagian, Akaun Penyertaan dan jumlah peletakan yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peletakan FD/IFD-i Yang Layak**”).

*Catatan:

Untuk tujuan Kempen ini, Dana Baharu bermaksud dana yang baru dipindahkan ke dalam Akaun Semasa, Simpanan, atau Daily Fund-i di Bank yang juga daripada cek yang telah dijelaskan dari bank/institusi kewangan lain, kurang dari tempoh 7 hari kalendar.

4.0 Mekanisma Kempen

4.1 Pelanggan Yang Layak dikehendaki meletakkan deposit seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dalam gabungan 70% peletakan deposit tunggal dan baki 30% peletakan tunggal ke dalam Akaun Penyertaan Simpanan ,Semasa /Daily Fund-i dan perlu disimpan enam (6) bulan secara tara , mengikut tempoh peletakan. (“**Tempoh Simpanan**”)



KEMPEN FIXED DEPOSIT/ISLAMIC FIXED DEPOSIT-i (FD/IFD-i) BUNDLE PREMIER

Jadual 1

Akaun Penyertaan (patuh Syariah & Konvensional)	Jumlah Minimum Peletakan Keseluruhan (100%)	Jumlah Peletakan FD/IFD-i (70%)	Jumlah Peletakan CASA (30%)
Semua Akaun Simpanan/Semasa/Daily Fund-i	RM100,000	RM70,000	RM30,000

4.2 Peletakan FD/IFD-i Yang Layak akan menikmati Kadar Kempen seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Tempoh	**Kadar Kempen	Kadar Asas Semasa
6 Months	5.08% p.a.	2.60% p.a.

**Kadar Kempen boleh ditukar dengan sewajarnya mengikut pertukaran Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, sekiranya ada.

Catatan :

- (i) Untuk Kadar Kempen sebanyak 5.08% setahun, Kadar Efektif adalah 4.08% setahun tertakluk kepada jenis akaun Semasa / Simpanan / Daily Fund-i dan jumlah penempatan.
- (ii) Apabila mencapai tarikh matang, Kadar Kempen FD /IFD-i akan ditukar kepada Kadar Asas Semasa.
- (iii) Islamic Fixed Deposit-i hanya dengan simpanan dalam Akaun Penyertaan Semasa /Simpanan /Daily Fund-i Patuh Syariah dan Fixed Deposit Konvensional hanya dengan Akaun Penyertaan Semasa/Simpanan Konvensional sahaja.

4.3 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, jika Pelanggan Yang Layak meletakkan deposit tunggal minimum mengikut Klausu 4.4, Pelanggan Yang Layak akan mendapat "**Kadar Kempen**".

4.4 Kadar keuntungan/faedah bagi Akaun Penyertaan adalah mengikut Kadar Asas Semasa yang boleh dirujuk di laman web www.maybank2u.com.my.

4.5 Deposit dan peletakan FD /IFD-i dan Akaun Semasa Akaun Simpanan/Daily Fund-i harus dibuat pada masa yang sama dalam Tempoh Kempen.

4.6 Dengan menyertai Kempen, Pelanggan yang Layak dianggap telah memahami dan bersetuju dengan syarat-syarat berikut:

- (i) bahawa Bank diberi kuasa untuk menyimpan dan tidak membenarkan sebarang pengeluaran pada jumlah yang diletakkan pada Akaun Penyertaan selama tempoh enam (6) bulan bermula dari tarikh peletakan enam (6) bulan FD/IFD-i;
- (ii) bahawa Bank diberi kuasa untuk pengeluaran awal FD/IFD-i sebelum tarikh matang sekiranya simpanan pada Akaun Penyertaan dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan, atas



KEMPEN FIXED DEPOSIT/ISLAMIC FIXED DEPOSIT-i (FD/IFD-i) BUNDLE PREMIER

permintaan Pelanggan Yang Layak sebelum tarikh matang FD/IFD-i enam (6) bulan. Dalam keadaan ini, tiada faedah/keuntungan akan dibayar kepada FD/IFD-i.

- 4.7 Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa untuk pengeluaran awal bagi FD/IFD-i sebelum tarikh matang, pengeluaran awal akan tertakluk pada terma- terma dan syarat-syarat yang ditetapkan bagi pengeluaran awal sebelum tarikh matang seperti berikut:-

Pengeluaran awal serta merta FD/IFD-i (Tanpa Notis 31 hari); Tiada faedah/keuntungan akan dibayar pada sebarang pengeluaran awal FD/IFD-i serta merta (Tanpa Tempoh Notis 31 hari).

Contoh Pengiraan Pengeluaran Awal FD/IFD-i serta merta sebelum tarikh matang:

Tarikh Peletakan	Jumlah Peletakan (RM)	Tarikh Pengeluaran Awal	Faedah/Keuntungan (RM)
01.09.2024	RM 100,000	05.10.2024	Tiada faedah/keuntungan

1. Pengeluaran Awal FD/IFD-i (Dengan Notis 31 hari): 50% dari kadar faedah/keuntungan yang telah dipersetujui akan dibayar jika Notis 31 hari (termasuk hari notis diberi) diberikan oleh Pelanggan Yang Layak . Berdasarkan pada notis, jumlah prinsipal dan faedah/keuntungan akan dibayar pada hari ke-32 ke dalam akaun semana/simpanan/daily fund-i Pelanggan Yang Layak.

Contoh Pengiraan Pengeluaran Awal FD/IFD-i bagi peletakkan tempoh 3 bulan FD/IFD-i.

Tarikh Penempatan	Amaun Peletakan (RM)	¹ pramatang Tarikh Notis	Tarikh Tamat Notis (31 hari)	² Tarikh Bayaran Jumlah Prinsipal + Faedah/Keuntungan	³ Jumlah Bayaran (RM)
01.09.2024	RM 100,000	05.10.2024	04.11.2024	04.12.2024	RM 100,000 X (5.08%/2) X 65/366 =RM451.09

NOTA PENTING

*50% daripada kadar faedah/keuntungan yang dipersetujui akan dibayar jika 'Tempoh Notis' selama 31 hari (termasuk hari notis diberi) diberikan oleh pelanggan.

¹Tarikh Notis Pengeluaran Awal ialah tarikh di mana pelanggan menyerahkan notis.

² Pengkreditan Tarikh Bayaran jumlah prinsipal dan faedah/keuntungan adalah pada hari ke-32.

³Pembayaran kadar Faedah/keuntungan = Amaun Prinsipal x Separuh dari Kadar Dipersetujui x Bilangan hari dari Tarikh Penempatan hingga akhir 'Tempoh Notis' ÷ Bilangan hari dalam tahun.

Maybank dan Maybank Islamic Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit



KEMPEN FIXED DEPOSIT/ISLAMIC FIXED DEPOSIT-i (FD/IFD-i) BUNDLE PREMIER yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

5.0 Terma dan Syarat Umum

- 5.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Bank.
- 5.2. Bank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Bank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Bank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank menurut penyata privasi Bank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“Maybank Privacy Statement”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Bank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5. Bank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Bank.



KEMPEN FIXED DEPOSIT/ISLAMIC FIXED DEPOSIT-i (FD/IFD-i) BUNDLE PREMIER

- 5.6. Bank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.7. Bank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 5.8. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my